

20/04/1997

Pas parti kedaerahan (HL)

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Hassan Omar

JITRA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan Pas lebih mirip sebagai sebuah parti kedaerahan yang sempit dan tergelincir daripada perjuangan berlandaskan kehendak Islam.

Presiden Umno itu berkata Pas yang menuduh Umno mengamalkan dasar kebangsaan sebenarnya bukan saja lebih bersifat nasionalis, tetapi parti kedaerahan Kelantan ... "cakap semua fasal Kelantan saja." Sambil merujuk dakwaan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat, kononnya Umno menjadikan dasar kebangsaan sebagai landasan perjuangan, Dr Mahathir berkata, sifat terlalu taksud dengan tempat atau kumpulan tertentu adalah Assabiyah dalam Pas.

"Nasionalis Kelantan setakat Kelantan saja. Dengan orang Terengganu pun tak berapa setuju. Hadi Awang (Timbalan Yang Dipertua Pas Pusat) pun tak berapa setuju," kata Dr Mahathir ketika berucap sempena lawatan ke Pusat Penyembelihan dan Pengedaran Daging Korban di Kompleks Jihad Basmi Kemiskinan, Paya Pahlawan dekat sini, semalam.

Kelmarin, Nik Aziz berkata, Pas sukar menjalin hubungan politik dengan Umno berikutan dasar kebangsaan yang menjadi landasan perjuangan Umno. Ini jauh berbeza dengan Pas yang didakwa mengamalkan dasar Islam.

Menurut Perdana Menteri, perjuangan Pas sebenarnya tidak berlandaskan kehendak Islam, sebaliknya parti itu menggunakan Islam sebagai asas serta alasan untuk mendapatkan sokongan rakyat.

Dr Mahathir berkata, Pas juga adalah parti nasionalis kerana parti itu hanya bergerak di Malaysia dan tidak ke negara Islam lain, seperti Afghanistan, Filipina dan Palestin.

"Kalau dia tidak nasionalis, apa pasal bergerak di Malaysia saja. Pergilah ke Afganistan, Iran, jadi pemimpin di sana kerana dunia Islam luas dari Filipina sehingga ke Maghribi.

"Pergi lawan di Palestin ... nak demonstrasi siapa pun boleh ... mungkin dia tahu (demonstrasi dalam negara) tak ada Yahudi nak tembak.

"Yang sebenarnya Pas ini bukan Islam ... jauh daripada Islam kerana amalannya yang bertentangan dengan Islam. Inilah yang kita lihat berlakunya pecah belah dalam Islam," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, sebelum kewujudan Pas, umat Islam negara ini tidak berpecah belah, sebaliknya berpegang teguh kepada fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah.

"Saya sedih kerana orang Islam sebelum ada Pas tidak berpecah-belah ... semua kita Ahli Sunnah Wal Jamaah sehingga datang orang Pas kata Umno tidak Islam.

"Dia (Nik Aziz) tak pernah nampak langsung apa yang kita buat untuk Islam tetapi apakah yang dia buat untuk Islam," katanya.

Dr Mahathir juga mengimbas kembali sejarah masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam yang terbahagi kepada beberapa kabilah dan sering membunuh antara satu sama lain kerana terlalu mengikut fahaman assabiyah.

Menurutnya, keadaan itu sama seperti amalan Pas sekarang yang mengganggu kononnya parti itu sahaja yang baik dan enggan mengakui kebaikan program yang dilaksanakan kerajaan.

Sehubungan itu, Perdana Menteri meminta Pas mencontohi program pembangunan Islam yang dijalankan Umno, seperti program jihad membasmi kemiskinan yang dilaksanakan kerajaan Kedah.

Menurut Perdana Menteri, jihad bukan hanya tertakluk kepada berperang untuk menegakkan Islam, tetapi usaha membasmi kemiskinan dan kebaikan lain

turut disifatkan sebagai perjuangan.

"Berjihad bermakna berjuang untuk kebaikan kerana dalam al-Quran disebutkan bahawa Allah tidak suka kepada orang yang menimbulkan masalah.

"Sebaliknya Allah suka kepada berbuat baik dan apakah yang lebih baik selain berusaha untuk membasmi kemiskinan kerana kita disuruh membantu orang miskin.

"Sebab itu dalam Islam kita disuruh mengeluarkan zakat untuk menolong orang kurang berada, termasuk berkorban," katanya.

(END)